PANDUAN PENERIMAAN/PENOLAKAN TAWARAN PELANTIKAN EJEN CUKAI DI MYTAX BAGI INDIVIDU


HASIL ingin memaklumkan bahawa berkuatkuasa 1 Januari 2027, pembayar cukai yang ingin melantik ejen cukai dikehendaki untuk membuat pelantikan dan pemberian kuasa kepada ejen cukai secara dalam talian melalui MyTax bagi membolehkan ejen cukai menfailkan atau melaksanakan transaksi percukaian secara elektronik bagi pihak pembayar cukai.

Bagi memudahkan proses lantikan ejen cukai mengikut ketetapan baharu di atas, satu tawaran lantikan dan pemberian kuasa menfail secara elektronik telah dikeluarkan untuk tuan melantik firma dan ejen cukai sedia ada. Berikut adalah panduan untuk menerima atau menolak tawaran lantikan tersebut:

1

Log masuk ke MyTax
- Klik ikon profil






1

2

Pada menu Profil
- Klik tab **Lantikan Ejen Cukai**




2

3

Pada tab Lantikan Ejen Cukai
- Turun ke senarai ejen cukai dan klik butang " Tindakan " pada pelawaan lantikan yang disenaraikan

4

Semak butiran firma dan ejen cukai yang ingin dilantik. Pastikan maklumat firma dan ejen cukai adalah betul, merujuk kepada ejen cukai yang sedang berkhidmat dengan tuan.



4

5

5

Baca dan fahami terma lantikan pemberian kuasa yang dipaparkan sebelum menerima / menolak tawaran lantikan yang diberikan.

6


Setuju terima lantikan?

YA

Tekan butang "TERIMA"

TIDAK

Tekan butang "TOLAK"



6

1.Tawaran lantikan ini akan terbatal secara automatik sekiranya tiada tindakan ke atas tawaran selewatnya pada **31/1/2027.** Sekiranya anda memilih untuk menolak tawaran lantikan ini, sebarang lantikan ejen cukai baharu perlu dilakukan melalui menu "Lantikan Ejen Cukai" di profil MyTax pembayar cukai.

2.Lantikan ejen cukai yang telah diterima boleh disemak semula dari semasa ke semasa dan pembatalan lantikan perlu dilakukan di MyTax sekiranya perkhidmatan ejen cukai ditamatkan.

3.Mulai **2 November 2026,** pembayar cukai dibenarkan melantik **maksimum dua (2)** orang ejen cukai dalam satu-satu masa sahaja, sama ada dari firma yang sama atau firma yang berbeza melalui MyTax > Profil > Lantikan Ejen Cukai.

MEMACU EKOSISTEM CUKAI PINTAR

HASiL